

Shenton Way kawasan bemotensi

SH - 7 SEP 2001

SINGAPURA. Khamis - Kedudukan tanah yang bakal diterima Malaysia di Shenton Way dekat sini, sebagai ganti penyerahan tanah Keretaapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) terletak di kawasan pusat perniagaan utama (CBD) republik itu.

Walaupun tidak dinyatakan secara jelas keluasan dan kedudukan sebenar tanah terbabit, ia cukup berpotensi kerana berada dalam kawasan CBD dengan nilai sehingga S\$1,000 (RM2,150) setiap meter persegi bangunan perniagaan di kawasan itu.

Sesuai dengan kepentingan dan kedudukannya sebagai pusat perdagangan utama Singapura, kawasan itu turut menempatkan pusat kewangan dan perbankan termasuk dua bangunan dimiliki bank negara ini, iaitu Hong Leong dan Maybank, selain dipenuhi kompleks dan ruang pejabat.

Tinjauan *Berita Harian* ke kawasan itu, hari ini mendapati Lembaga Pembangunan Semula Bandar (URA), Singapura giat melaksanakan kerjha meratakan tanah bagi meluaskan lagi kawasan CBD.

Kawasan pembangunan tambahan CBD itu yang terletak di Pusat Boulevard di Shenton Way, membabitkan kawasan seluas 5,576 meter persegi.

Selain itu, satu lagi projek URA yang sedang rancang dilaksanakan ialah pembinaan Terowong Perkhidmatan (CST) Fasa Pertama membabitkan dua lot tanah di kawasan berkenaan.

Selain Shenton Way, CBD meliputi kawasan Raffles Palace dan Orchard Road.

Seorang penganalisis hartanah tempatan, berkata tanah yang bakal diperolehi Malaysia itu cukup berpotensi kerana nilai tanah di kawasan CBD adalah terlalu mahal.

Malah, kata penganalisis yang enggan namanya disiarkan itu, hampir keseluruhan tanah di kawasan itu sudah dibangunkan pelbagai projek perniagaan.

"Saya tidak tahu keluasan tanah yang hendak ditukar ganti dengan Tanjung Pagar itu. Apapun saya yakin nilai tanah di Shenton Way yang diberi kepada Malaysia untuk menggantikan tanah di KTMB sama nilainya.

"Namun tanah yang terletak dalam CBD itu mempunyai nilai yang cukup tinggi dan berupaya memberi pulangan yang baik kepada Malaysia," katanya mengulas laporan akhbar hari ini bahawa Malaysia akan menerima sebidang tanah di Shenton Way sebagai ganti penyerahan tanah milik KTMB di Tanjung Pagar.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata kawasan yang diganti itu mempunyai nilai sama dengan tanah di Tanjung Pagar.

Katanya, dalam persetujuan bersama mengenai Perkara-Perkara Perjanjian (POA) yang dicapai, kedua-dua pihak bersetuju memberi pampasan terhadap bidang tanah yang diambil.

Kelmarin, Malaysia dan Singapura bersetuju menyelesaikan semua isu tertangguh yang berlarutan begitu lama berikutan perbincangan antara Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan Menteri Kanan Singapura, Lee Quan Yew.

Persetujuan itu merangkumi penjualan air oleh Malaysia kepada Singapura; pertikaian mengenai pembangunan tanah milik KTMB dan status Pusat Kastam, Imigresen dan Kuarantin di stesen KTMB Tanjung Pagar, Singapura; penggunaan ruang udara Malaysia oleh Tentera Udara Singapura dan pengeluaran wang caruman Kumpulan Wang Simpanan Pusat (CPF) oleh pekerja dari Semenanjung Malaysia.

Selain isu itu, kedua-dua pihak juga setuju dengan cadangan tambahtin Malaysia mengenai pembinaan jambatan baru menghubungkan kedua-dua negara dan merobohkan Tambak Johor selepas jambatan baru itu siap pada 2007.